



**KENYATAAN MEDIA**  
**LAPORAN STATISTIK UPAH PEKERJA (SEKTOR FORMAL),**  
**SUKU TAHUN KEDUA 2023**

**Median upah bulanan pekerja formal warganegara meningkat sebanyak 4.9 peratus pada Jun 2023 kepada RM2,600 berbanding Jun 2022.**

**PUTRAJAYA, 30 November 2023** - Median upah bulanan pekerja formal warganegara meningkat sebanyak 4.9 peratus pada Jun 2023 kepada RM2,600 berbanding Jun 2022, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini dalam **LAPORAN STATISTIK UPAH PEKERJA (SEKTOR FORMAL), SUKU TAHUN KEDUA 2023**. Statistik ini disusun menggunakan sumber data pentadbiran yang diperoleh daripada agensi berkaitan yang memberi tumpuan kepada warganegara yang bekerja dalam sektor formal, terutamanya dalam sektor swasta.

Mengulas lanjut tentang laporan berkenaan, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, berkata, "Jumlah pekerja formal Malaysia pada Jun 2023 adalah sebanyak 6.60 juta orang meningkat sebanyak 1.6 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Bilangan ini menyumbang hampir dua pertiga (64.3 peratus) daripada jumlah keseluruhan bilangan pekerja bergaji warganegara yang bekerja dalam sektor formal. Pada masa yang sama, median upah bulanan pada Jun 2023 meningkat sebanyak 4.9 peratus tahun ke tahun kepada RM2,600".

Melihat kepada perbandingan mengikut jantina, pekerja formal lelaki menyumbang 55.5 peratus (3.66 juta orang) daripada jumlah pekerja formal keseluruhan pada Jun 2023, menerima median upah bulanan yang lebih tinggi daripada perempuan. Median upah bulanan bagi pekerja formal lelaki adalah RM2,645 manakala pekerja formal perempuan yang menyumbang 44.5 peratus (2.94 juta orang) daripada jumlah pekerja formal keseluruhan memperoleh median upah bulanan sebanyak RM2,527.

Melihat kepada perincian statistik upah mengikut kumpulan umur menunjukkan bahawa kumpulan umur yang mencatatkan median upah bulanan tertinggi pada Jun 2023 adalah 45 hingga 49 tahun yang menerima RM3,500. Kumpulan umur ini juga menerima median upah bulanan tertinggi pada April 2023 (RM3,582) dan Mei 2023 (RM3,482). Perbandingan median upah bulanan pada Jun 2023 dengan bulan yang sama pada tahun sebelumnya, semua kumpulan umur mengalami peningkatan median upah bulanan kecuali bagi mereka yang berumur di bawah 20 tahun. Kumpulan umur 60 hingga 64 tahun menunjukkan pertumbuhan tahun ke tahun tertinggi pada Jun 2023 meningkat sebanyak 11.7 peratus kepada RM2,764. Terdahulu, pada April 2023, kumpulan umur di bawah 20 tahun menikmati pertumbuhan tahun ke tahun tertinggi

(25.0%), yang tertinggi untuk empat bulan berturut-turut sejak Januari 2023. Walau bagaimanapun, median upah bulanan bagi kumpulan umur di bawah 20 tahun perlahaan pada Mei 2023 (pertumbuhan tahun ke tahun: 5.5%) dan kekal tidak berubah pada Jun 2023 (pertumbuhan tahun ke tahun: 0.0%) disebabkan oleh kesan pelaksanaan dasar gaji minimum baharu sebanyak RM1,500 pada tahun 2022 yang telah mereda.

Mengulas situasi upah merentasi aktiviti ekonomi dalam suku tahun kedua 2023, sektor Perlombongan & pengkuarian terutamanya mencatatkan pertumbuhan dua-digit tahun ke tahun dalam median upah bulanan pada Jun 2023 kepada RM5,200, walaupun hanya mewakili 0.5 peratus daripada jumlah pekerja formal keseluruhan. Semua sektor mencatatkan peningkatan tahun ke tahun bagi median upah bulanan pada Jun 2023 kecuali bagi sektor Pertanian mencatatkan penurunan sebanyak 0.9 peratus kepada RM1,927.

Memperincikan situasi upah mengikut negeri pada Jun 2023, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Semua negeri menunjukkan pertumbuhan positif tahun ke tahun dari segi median upah bulanan. Tiga negeri merekodkan median upah bulanan yang lebih tinggi berbanding median upah nasional RM2,600 iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan median upah bulanan tertinggi sebanyak RM3,822, diikuti oleh Selangor sebanyak RM2,945 dan Pulau Pinang sebanyak RM2,645. Walau bagaimanapun, Kelantan, Perlis dan Sabah mencatatkan median upah bulanan terendah masing-masing sebanyak RM1,600, RM1,600 dan RM1,800".

Dari segi taburan upah pada Jun 2023, Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan taburan upah menunjukkan bahawa 34.7 peratus pekerja formal di Malaysia menerima upah di bawah RM2,000, mencatatkan penurunan sebanyak 3.6 mata peratus dari 38.3 peratus yang direkodkan pada Jun 2022. Pada masa yang sama, kira-kira 7.9 peratus pekerja formal warganegara memperoleh upah melebihi RM10,000. Sementara itu, analisis persentil menunjukkan bahawa median upah bulanan kumpulan penerima upah tertinggi (persentil ke-90) sekurang-kurangnya lima kali lebih tinggi daripada median upah bulanan kumpulan penerima upah terendah (persentil ke-10) dan sekurang-kurangnya tiga kali lebih tinggi daripada median upah bulanan kumpulan upah pertengahan (persentil ke-50). Tambahan pula, kategori pekerja dengan upah terendah mendapat peningkatan yang paling signifikan sebanyak 17.0 peratus dari tahun ke tahun pada Jun 2023. Ini menunjukkan bahawa median upah bulanan bagi kumpulan ini telah meningkat secara ketara dari RM1,282 pada Jun 2022 kepada RM1,500 pada Jun 2023.

Mengakhiri kenyataannya pada keluaran hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Statistik ini dikeluarkan untuk meningkatkan penyebaran statistik upah pekerja dengan memanfaatkan data pentadbiran dan menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang pasaran buruh yang dinamik di Malaysia. Selain itu, melalui pengintegrasian dengan data pentadbiran lain, DOSM akan menerbitkan statistik upah pekerja mengikut pelbagai dimensi seperti integrasi data sektor swasta dan awam,

mengikut status syarikat seperti Syarikat multi-Nasional (MNC) dan Pelaburan Langsung Asing (FDI), jenis pemilikan pertubuhan syarikat, orientasi perniagaan (berorientasikan eksport atau permintaan domestik), skala ekonomi perniagaan dan lain-lain”.

Data siri masa dan maklumat lanjut berkaitan pasaran buruh boleh diperolehi dari portal Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID). Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> atau imbas kod QR di bawah.




Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

### Paparan 1: Median Upah Bulanan, Januari 2022 – Jun 2023



### Paparan 2: Median Upah Bulanan Mengikut Jantina, April – Jun 2023

#### JANTINA

Median upah bulanan bagi lelaki (RM2,645) adalah lebih tinggi berbanding perempuan (RM2,527) pada Jun 2023.



RM2,700	APR	RM2,600
RM2,600	MEI	RM2,500
RM2,645	JUN	RM2,527



### Paparan 3: Median Upah Bulanan Mengikut Aktiviti Ekonomi, April – Jun 2023

#### AKTIVITI EKONOMI

Median upah bulanan paling tinggi pada Jun 2023 direkodkan dalam sektor **Perlombongan & pengkuarian (RM5,200)**, diikuti Pembinaan, Perkhidmatan, Pembuatan dan Pertanian.



APR	RM5,400
MEI	RM5,200
JUN	RM5,200

APR	RM2,700
MEI	RM2,700
JUN	RM2,700

APR	RM2,682
MEI	RM2,600
JUN	RM2,600


  

APR	RM2,500
MEI	RM2,400
JUN	RM2,464


  

APR	RM1,964
MEI	RM1,964
JUN	RM1,927

#### Paparan 4: Median Upah Bulanan Mengikut Negeri, April – Jun 2023



#### Paparan 5: Taburan Upah Pekerja Mengikut Skala Gaji, Jun 2022 & Jun 2023



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
30 NOVEMBER 2023**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

## MEDIA STATEMENT

### **EMPLOYEE WAGES STATISTICS (FORMAL SECTOR) REPORT, SECOND QUARTER 2023**

**Median wages of formal citizen employees rose by 4.9 per cent in June 2023 to record RM2,600 as compared to June 2022.**

**PUTRAJAYA, 30 November 2023** – Median wages of formal citizen employees rose by 4.9 per cent in June 2023 to record RM2,600 as compared to June 2022, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today on the release of the **EMPLOYEE WAGES STATISTICS (FORMAL SECTOR) REPORT, SECOND QUARTER 2023**. The compilation of these statistics is based on administrative data sources obtained from relevant agencies, which focus on the citizens who work in the formal sector, notably in the private sector.

Commenting further on the report, the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The number of Malaysian formal employees in June 2023 was 6.60 million persons, an increase of 1.6 per cent compared to the same month in the previous year. This number accounted for nearly two-thirds (64.3 per cent) of the total citizens-paid employees in the formal sector. In the meantime, the median monthly wages in June 2023 increased by 4.9 per cent year-on-year to register RM2,600”.

Looking at the comparison by sex, male formal employees comprised 55.5 per cent (3.66 million persons) of the total formal employees in June 2023, received higher median monthly wages than females. The median monthly wage for male formal employees stood at RM2,645 while female formal employees who made up 44.5 per cent (2.94 million persons) of total formal employees earned RM2,527.

Looking at detailed wages statistics by age group indicates the group that recorded the highest median monthly wages in June 2023 was 45 to 49 years which received RM3,500. This age group also received the highest median monthly wage in April 2023 (RM3,582) and May 2023 (RM3,482). Comparing June 2023 to the same month in the previous year, all age groups experienced an increase in median monthly wages, except for those below 20 years. The age group 60 to 64 years demonstrates the highest year-on-year growth in June 2023 which increased 11.7 per cent to RM2,764. Meanwhile, in April 2023, the age group below 20 years enjoyed the highest year-on-year growth (25.0%), the highest for four consecutive months since January 2023. However, the age group below 20 years recorded slower growth of median monthly wages in May 2023 (year-on-year growth: 5.5%) and stagnant in June 2023 (year-on-year growth: 0.0%) due to the base effect of the implementation of the new minimum wage rate of RM1,500 in 2022 had subsided.

*Expanding on the wages situation across economic activity in the second quarter of 2023, Mining & quarrying notably registered substantial double-digit year-on-year growth in median monthly wages in June 2023 at RM5,200, despite only representing 0.5 per cent of the total formal employees. All sectors recorded a year-on-year increase in median monthly wages in June 2023 except for the Agricultural sector, which registered a decrease of 0.9 per cent to RM1,927.*

*Further disaggregation of wages situation by state in June 2023, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "All states indicated positive growth year on year in terms of the median monthly wages. Three states posted a greater median monthly wages compared to the national median monthly wages of RM2,600, namely Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur registered the highest median monthly wages at RM3,822, followed by Selangor at RM2,945 and Pulau Pinang at RM2,645. However, Kelantan, Perlis and Sabah registered the lowest median monthly wages with RM1,600, RM1,600 and RM1,800 respectively".*

*In terms of wages distribution in June 2023, the Chief Statistician stated that the wage distribution showed that 34.7 per cent of formal employees in Malaysia earned below RM2,000, marking a decrease of 3.6 percentage points from the 38.3 per cent recorded in June 2022. Concurrently, approximately 7.9 per cent of formal citizen employees earned wages exceeding RM10,000. Meanwhile, the percentile analysis indicates that the median monthly wages of the highest wages recipient group (90th percentile) is at least five times higher than the median monthly wages of the lowest wages recipient group (10th percentile) and at least three times higher than the median monthly wages of the middle wages recipient group (50th percentile). In addition, the lowest wage worker category earned the most significant increase of 17.0 per cent year on year in June 2023. This indicates that the median wages for this group has risen sharply from RM1,282 in June 2022 to RM1,500 in June 2023.*

*Concluding his statement on today's release, Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin said, "This statistics released to enhance the dissemination of employee wages statistics by leveraging administrative data and contributing to a deeper understanding of Malaysia's labour market dynamics. Moreover, through integration with other administrative data DOSM will publish employee wages statistics according to various dimensions such as integration of private and public sector data, according to the status of the company such as Multi-National Corporation (MNC) and Foreign Direct Investment (FDI), types of business ownership, business orientation (export oriented or domestic demand), economic scale of the business and others."*

*Time series statistics and more information on the labour market can be obtained from the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) portal. For more information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.*




*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*


*DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.*


**Exhibit 1: Median Monthly Wages, January 2022 – June 2023**




**Exhibit 2: Median Monthly Wages by Gender, April – June 2023**




**Exhibit 3: Median Monthly Wages by Economic Activity, April – June 2023**



### Exhibit 4: Median Monthly Wages by State, April – June 2023



### Exhibit 5: Employee Wages Distribution by Wage Scale, June 2022 & June 2023



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**  
**DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**  
**30 NOVEMBER 2023**